

R B179 DEB

RAIS - KABINET 1984

KOTA BAHARU, 29 NOV. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MAHUKAN SEMUA ARAHAN MENTERI ATAU KEMENTERIAN KEPADA PARA PEGAWAI DIBERI JAWAPAN DAN TINDAK BALAS DALAM TEMPOH LIMA HARI DARI TARIKH DAN MASA ARAHAN ITU DIKELUARKAN.

MENURUT MENTERI PENERANGAN, DATUK RAIS YATIM, PERDANA MENTERI MENGELUARKAN ARAHAN ITU DALAM MESYUARAT MINGGUAN KABINET SEMALAM.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MENGHADIRI PERJUMPAAN DENGAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN JABATAN PENERANGAN DISINI HARI INI, DATUK RAIS BERKATA SETIAP ARAHAN WAJIB DIJAWAB, DIJELAS DAN DIWAJARKAN DALAM MASA LIMA HARI.

KATANYA, DENGAN ARAHAN BARU PERDANA MENTERI ITU, SETIAP KETUA JABATAN DAN BAHAGIAN HARUS MEMBERI TINDAK-BALAS KEPADA ARAHAN ITU DALAM MASA YANG SINGKAT.

BELIAU PERCAYA PERDANA MENTERI MENGELUARKAN ARAHAN ITU KERANA ADANYA PERATURAN PENTADBIRAN YANG MENYEBABKAN SESETENGAH PEGAWAI MELAMBAT-LAMEATKAN SESUATU TINDAKAN. -- LAG 1

1836MST 29 11 a4

RB180 DEB

RAIS - KABINET 2 KOTA BAHARU

DATUK RAIS MENSIFATKAN ARAHAN PERDANA MENTERI ITU SEBAGAI KENA PADA TEMPATNYA DAN SESUAI DENGAN PERKEMBANGAN UNTUK MEWUJUDKAN PENTADBIRAN YANG CEKAP, LICIN DAN TERATUR.

BELIAU BERKATA KEMENTERIANNYA AKAN CUBA MEMAJUKAN ARAHAN PERDANA MENTERI ITU KEPADA SEMUA NEGERI MENERUSI JABATAN PENERANGAN.

KATANYA, SUNGGUHPUN PERKARA PERATURAN PENTADBIRAN TELAH DISEBUTKAN OLEH BEBERAPA ORANG PERDANA MENTERI TETAPI TINDAKAN UNTUK MENGURANGKAN KESANNYA MENGAMEIL MASA YANG AGAK LAMA. -- BERNAMA.

1839MST 29 11 84